



SIARAN AKHBAR UNTUK SEBARAN SEGERA

KWASA LAND BEKERJASAMA DENGAN GAGASAN NADI CERGAS MEMBINA RUMAH MAMPU MILIK PERTAMA DI KWASA DAMANSARA

KWASA DAMANSARA, 25 Oktober 2021 – Kwasa Land Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selaku pemaju utama perbandaran Kwasa Damansara, akan bekerjasama dengan Gagasan Nadi Cergas Berhad (Gagasan Nadi Cergas) untuk membangunkan fasa pertama projek perumahan mampu milik Rumah Selangorku (RSKU) jenis Idaman di Kwasa Damansara.

Selaras dengan pengumuman Belanjawan tahun lepas, KWSP menegaskan komitmennya untuk terus membangunkan Kwasa Damansara dan menyokong usaha kerajaan bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat Malaysia terutamanya dari kalangan B40 dan M40. Ini sejajar dengan konsep Keluarga Malaysia yang menyemai nilai perpaduan and inklusiviti. Langkah ini juga selaras dengan inisiatif Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor Pasca COVID-19 yang telah diumumkan pada Julai 2020.

Melalui kerjasama ini, dua plot kediaman berstatus pegangan bebas iaitu Plot R4-1 dan R4-2 berkeluasan 39.12 ekar telah dikenal pasti untuk pembinaan 3,990 unit RSKU Idaman dengan Fasa 1 dijangka siap pada akhir tahun 2024.

Encik Adenan Md Yusof, Pengarah Urusan Kwasa Land berkata, “Walaupun industri berhadapan dengan prospek ekonomi dan pasaran yang mencabar, permintaan untuk rumah mampu milik di kawasan bandar masih tinggi. Objektif kami ialah membangunkan perbandaran lestari yang hijau, mudah diakses dan inklusif. Memang tidak dapat disangkal bahawa pandemik ini telah memberi kesan kepada segenap lapisan masyarakat, justeru langkah menyediakan perumahan mampu milik akan disegerakan dan diberi keutamaan bagi meringankan beban rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Peranan kami ialah menyediakan perumahan mampu milik di Kwasa Damansara. Secara keseluruhannya, Kwasa Land akan memperuntukkan 40% daripada jumlah keseluruhan pembangunan kediamannya untuk pembinaan rumah mampu milik dengan menawarkan kawasan tanah perumahan prima kepada rakan pemaju pada nilai lebih rendah daripada harga pasaran agar



kos pembangunan dapat dikurangkan dan membolehkan rakan pemaju menjual unit dengan harga yang kompetitif dan berpatutan.”

Menurut beliau lagi, “Bersama Gagasan Nadi Cergas yang terbukti berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam pembinaan kediaman mampu milik, kami komited untuk terus menyokong dasar kerajaan persekutuan dan negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah terutamanya pembeli rumah pertama untuk memiliki kediaman berkualiti.”

Haji Wan Azman Wan Kamal, Pengarah Urusan Kumpulan Gagasan Nadi Cergas berkata, “Kami di Gagasan Nadi Cergas telah berjaya membuktikan kebolehan kami sebagai pakar dalam pembinaan perumahan mampu milik dalam industri hartanah. Tawaran nilai kami sebagai kontraktor yang berdaya saing dari segi kos telah membantu kami memenangi projek rumah mampu milik dari pemaju hartanah yang masyhur termasuk Kwasa Land.”

“Kami berkongsi visi Kwasa Land untuk menyediakan rumah mampu milik berkualiti tinggi bagi orang ramai. Ini selaras dengan komitmen kami untuk menyokong kerajaan dalam merapatkan jurang rumah mampu milik di Malaysia. Ini amat penting ketika negara kita sedang berdepan dengan impak pandemik,” Haji Wan Azman menambah.

Nilai Pembangunan Kasar projek ini dianggarkan berjumlah RM1 bilion dan setiap fasa dijangka mengambil masa 36 bulan untuk dibangunkan. Setiap unit akan mengandungi 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi merangkumi keluasan 1,000 kaki persegi dengan harga jualan RM250,000. Setiap unit akan dilengkapi dengan kabinet dapur, almari, set TV sekali dengan kabinet, penyaman udara untuk semua bilik tidur, pemanas air dan peti sejuk.

Bagi meringankan masalah kesukaran mendapatkan pinjaman dan menyediakan wang pendahuluan, sebanyak 130 unit diperuntukkan kepada pembeli-pembeli yang layak menerusi Skim Smart Sewa oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Perbandaran Kwasa Damansara yang berkeluasan 2,257 ekar terletak bersebelahan dengan Kota Damansara dan terminal udara Subang SkyPark. Perbandaran ini dijangka mampu menampung 250,000 penduduk apabila siap sepenuhnya.



MENGENAI KWASA LAND SDN BHD

Kwasa Land Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah ditubuhkan pada September 2010. Ianya diberi mandat untuk menguruskan pelaburan hartanah KWSP terutamanya Kwasa Damansara. Dengan mandat sebagai pemaju induk yang strategik, Kwasa Land Sdn Bhd akan membina sebuah pembangunan campuran dengan keluasan 2,257 ekar di atas tapak yang mewakili kawasan hijau terakhir di Lembah Klang. Visi pembangunan ini adalah untuk mewujudkan sebuah perbandaran hijau dengan jaringan pengangkutan yang baik dan inklusif. Kwasa Damansara akan menyediakan perumahan bandar, serta kemudahan komersil, rekreasi dan pendidikan yang maju ke hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kwasa Damansara, sila layari www.kwasadamansara.com.my.

MENGENAI GAGASAN NADI CERGAS BERHAD

Gagasan Nadi Cergas Berhad telah disenaraikan di Bursa Malaysia sejak 2019, dan terlibat dalam empat segmen perniagaan, iaitu pembinaan bangunan, perkhidmatan pengurusan fasiliti, operasi sistem penyejukan untuk pembekalan air sejuk dan pengedaran elektrik, dan pembangunan hartanah.

Selain menerima anugerah penarafan 5 Bintang SCORE dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) baru-baru ini untuk prestasi teladan dalam industri pembinaan, Gagasan Nadi Cergas juga telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan CIDB sebagai kontraktor Gred G7. Gred tersebut membolehkan Gagasan Nadi Cergas menender projek-projek tanpa nilai terhad, serta projek yang diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera.

Antara projek terkenal yang dibina oleh Gagasan Nadi Cergas termasuk Institut Jerman-Malaysia, Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (MIAT), Kem Batalion ke-4 untuk Pasukan Gerakan Awam, dan tujuh asrama pelajar di kampus politeknik di enam negeri semenanjung. Gagasan Nadi Cergas juga telah menyertai program inisiatif perumahan seperti Rumah Selangorku, perumahan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), dan Perumahan untuk Penjawat Awam (PPAM).

Siaran akhbar ini disebar oleh Jabatan Komunikasi Pemasaran Kwasa Land Sdn Bhd. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi:

Kwasa Land: Siti Anisah Sheikh Osman di talian +6014 6358 600 (sitianisah@kwasaland.com.my)
Gagasan Nadi Cergas: Lucas Lim di talian +6011 1278 4109 (lucas@aquilas.com.my)